

## PENGUMUMAN

### PERHATIAN KEPADA PELAJAR PROGRAM SARJANA MUDA & DIPLOMA PENDAFTARAN KURSUS SEMESTER PENDEK SESI 2023/2024

Sukacita dimaklumkan bahawa tarikh Pendaftaran Kursus secara *online* seperti berikut :

PERKARA	TARIKH	MINGGU
<b>Prapendaftaran Kursus Secara Atas Talian</b> <i>Web Based Pre-Registration of Courses</i>	28 Mei 2023 (Selepas jam 2.00 petang) – 08 Jun 2023 (2 Minggu)	Minggu 11 – 12 (Semester II Sesi 2022/2023)
<b>Prapendaftaran kursus lewat</b> (Denda RM100) <i>Application For Late Pre-Registration (Penalty RM100)</i>	30 Julai 2023 (Selepas jam 2.00 petang) – 10 Ogos 2023 (2 minggu)	Minggu 1 - 2
<b>Tambah/Gugur Kursus</b> Add/Drop		
<b>Pengesahan Daftar Kursus secara Atas Talian</b> <i>Web Based Course Validation</i>	*Sebarang perubahan tarikh akan dimaklumkan kemudian	
Pendaftaran Kursus Lewat / Penambahan Kursus Lewat (Denda RM100/Kursus) <i>Application For Late Pre-Registration (Penalty RM100/Course)</i>		

#### PERHATIAN:

##### Prapendaftaran Kursus

1. Prapendaftaran kursus secara 'online' tidak dibenar menggunakan telefon pintar.
2. Bayaran **DENDA** dikenakan sebanyak **RM100.00** bagi pelajar yang **TIDAK MEMBUAT PRAPENDAFTARAN KURSUS** dan bayaran denda dibuat kepada Bendahari UniSZA (FPX-Portal Pelajar/JomPAY/ATM-Biller Code 22475)
3. Sebarang kesilapan prapendaftaran kursus adalah tanggungjawab pelajar.
4. Pelajar dikehendaki **'SAVE & PRINT'** slip semasa prapendaftaran untuk simpan.
5. Bayaran **DENDA** dikenakan sebanyak **RM100.00/KURSUS** bagi pendaftaran kursus lewat dan penambahan kursus pada minggu ke-3 sehingga minggu ke-7 dengan kelulusan Dekan fakulti dan bayaran denda dibuat kepada Bendahari UniSZA.

##### Pendaftaran Kursus Yang Telah Dibuat Akan Terbatal Sekiranya

1. Pelajar yang mempunyai hutang tertunggak dari semester sebelumnya tidak dibenarkan untuk mendaftar kursus semester berikutnya. Pelajar perlu menjelaskan semua hutang tertunggak/ memohon penangguhan yuran dengan pihak Bendahari sebelum Minggu tambah/ gugur berakhir.
2. Pelajar yang mendapat PNGK <2.5, Perlu mendapatkan konsultasi daripada Penasihat Akademik dalam tempoh minggu tambah/gugur.

##### Pengesahan

1. Mohon semak dengan teliti sebelum membuat pengesahan.
2. Pelajar **DIWAJIBKAN** mencetak slip pengesahan daftar kursus sehingga hari terakhir minggu kedua.

##### Peraturan Akademik Berkaitan

1. Sekiranya pihak pentadbiran tidak menerima apa-apa makluman dari pelajar dalam masa empat (4) minggu selepas tarikh permulaan semester, pelajar dikira telah menarik diri daripada semester (**TANGGUH PENGAJIAN**).
2. Kegagalan pelajar untuk mendaftar kursus bagi dua semester berturut-turut boleh mengakibatkan status pengajian pelajar sebagai **HENTI SENDIRI (HS)**.

Jika pelajar menghadapi sebarang masalah berkaitan pendaftaran kursus sila laporkan kepada pihak kami melalui talian 09-6687665/09-6687617 atau hadir ke kaunter akademik dengan segera.